



MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

TEKS UCAPAN

**YBHG. DATO' AZHAR BIN HAJI ARSHAD
DATUK BANDAR SEBERANG PERAI**

SEMPENA

MAJLIS PERASMIAN PINTU GERBANG KEPALA BATAS

TARIKH / MASA / TEMPAT

**29 JANUARI 2024 (ISNIN)
8.40MALAM**

**BERHADAPAN WISMA UMNO,
KEPALA BATAS
MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI**

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamu'alaikum Warahmatullahhi Wabarakatuh,

Selamat petang dan Salam Sejahtera,

1. Alhamdulillah dan Syukur kepada Tuhan atas segala nikmat dan rahmat-Nya, kita dapat bersama-sama berkumpul pada malam ini di Majlis Perasmian Pintu Gerbang Kepala Batas.
2. Izinkan saya untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan, ucapan terima kasih dan mengalu-alukan kedatangan Yang Berhormat Tuan Chow Kon Yeow, Ketua Menteri Pulau Pinang, YB. Dato'Seri Reezal Merican Bin Naina Merican, ADUN Bertam, barisan Ahli Majlis MBSP, Ketua-Ketua Jabatan dan semua yang hadir kerana sudi meluangkan masa bersama-sama kami bagi menyerikan lagi majlis pada hari ini.
3. Apa yang kita lihat ini merupakan satu usaha pengindahan dan mercu tanda untuk penduduk Kepala Batas khususnya. Untuk makluman, projek pintu gerbang Kepala Batas merupakan yang pertama di laksanakan oleh MBSP dan ianya merupakan salah satu daripada tiga (3) projek yang telah diluluskan oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) pada tahun 2022 semasa Ahli Parlimen Kepala Batas iaitu Dato' Sri Reezal Merican bin Naina Merican menjadi Menteri KPKT.

4. Dua (2) lagi projek yang dilaksanakan adalah projek Pembangunan Dataran Tsunami Kuala Muda dan Mercu Tanda Pintu Masuk Seberang Perai di Bumbung Lima, SPU. Ketiga-tiga projek tersebut telah diberi peruntukan oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) sebanyak RM3 Juta. Terima kasih YB kerana tidak pernah melupakan Majlis Bandaraya Seberang Perai dalam menyalurkan peruntukan dan sentiasa berusaha untuk kebaikan seluruh penduduk Seberang Perai.
5. Peruntukan yang telah diluluskan oleh KPkt bagi membuat pintu gerbang ini adalah sebanyak RM1 Juta dimana kos pembinaannya adalah RM1,047,725.70, dimana baki peruntukan tersebut ditanggung oleh Majlis. Projek ini telah bermula pada 22 Mac 2023 dan disiapkan sepenuhnya pada 21 Disember 2023. Dengan siapnya projek ini ianya akan menjadi salah satu mercu tanda yang boleh dibanggakan oleh penduduk Kepala Batas.
6. Pintu gerbang ini telah ditambahbaik pembinaannya dengan tambahan corak ‘pattern pencahayaan’ untuk keseluruhan struktur replika Jambatan Pulau Pinang. Selain itu, replika tersebut telah diberikan sentuhan pencahayaan dengan pemasangan logo dan huruf kekotak (*box lettering*) sebagai tambahan sentuhan seni kepadanya. Di dalam rekabentuk pintu gerbang ini terdapat replika berbentuk Jambatan Pulau Pinang yang menjadi mercu tanda bagi

pengunjung-pengunjung ke Pulau Pinang dimana ianya menghubungkan Seberang Perai dengan bahagian pulau.

7. Konsep idea rekabentuk pintu gerbang ini menggunakan rekabentuk melengkung. Bentuk melengkung ini memberikan elemen minimalisme kepada bentuk rekabentuk. Oleh itu, ia akan memberikan kesan visual yang lebih menarik untuk penduduk Seberang Perai. Selain itu, struktur yang melengkung juga memberikan bentuk garisan semulajadi yang bersesuaian dengan persekitaran. Lengkung Perai menunjukkan kesinambungan tempat dari Seberang Perai Utara ke Seberang Perai Selatan dan begitu juga sebaliknya.
8. Disamping itu, lampu berwarna kuning di replika jambatan melambangkan “*prosperity and welfare*” bagi kawasan Seberang Perai, manakala warna biru mewakili lautan yang dilitupi seluruh kawasan Seberang Perai dan Pulau Pinang berhampiran dengan laut.
9. Dan antara yang teristikewa mengenai pintu gerbang ini ialah dari segi penggunaan tenaga solar untuk memberi bekalan elektrik pada lampu LED dan logo-logo di waktu malam. Ini menepati saranan SDG07 dan SDG 13 di mana disamping kita mengurangkan karbon, kita juga menekankan usaha ke arah *Green Energy* dan Penang 2030 di bawah tema *D “Invest In The Built Environment To Improve Resilience”*. Kesimpulannya di sini, pengcahayaan sebenarnya amat menarik dan boleh menarik minat pengunjung dan penduduk

setempat. Walau bagaimanapun, aspek-aspek ke arah pengiktirafan *Low Carbon City* tidak pernah MBSP lupakan dan abaikan. Tahniah buat semua.

10. Oleh itu, saya berharap, dengan adanya pintu gerbang ini secara tidak langsung dapat memberikan satu identiti dan ikonik buat penduduk Kepala Batas.
11. Sebelum mengakhiri ucapan saya ini, terima kasih diucapkan kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang di bawah pimpinan YB Tuan Chow Kon Yeow yang tidak pernah putus-putus menyokong usaha MBSP dan kepada YB Dato' Seri Reezal Merican dan seluruh penduduk Seberang Perai , saya ucapkan terima kasih di atas sokongan selama ini dan meletakkan "*MBSP Sentiasa Di Hati*".

Sekian, terima kasih.

***Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh.***